

Mohon ganti pintu air utama

Kebanyakannya sudah lama dan uzur, gesa kerajaan salur peruntukan bagi kerja naik taraf

SABAK BERNAM - Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Selangor memohon kerajaan menyalurkan peruntukan bagi kerja baik pulih atau mengganti beberapa pintu air utama di kawasan Sungai Air Tawar bagi mengelakkan kejadian banjir pada masa depan.

Pengerusinya, Tan Sri Noh Omar berkata, kebanyakan pintu air di kawasan itu sudah lama dan uzur, malah dibina sejak merdeka dahulu.

"Sudah sampai masanya kunci air ini dibaiki atau dibuat baru bagi mengatasi masalah banjir.

"Saya telah minta pihak JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) untuk buat surat dan berapa kos yang

diperlukan bagi kerja baik pulih atau bina baru," katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan di tiga pusat pemindahan banjir di daerah Sabak Bernam.

Selain itu, Noh yang juga Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan turut melakukan lawatan dan kerja pembersihan di sebuah rumah penduduk di Parit Baru dan meninjau Pintu Air Beting Kepah, Kampung Sungai Apong, tengah hari semalam.

Noh memberitahu, sehingga kini, terdapat sebanyak 46 pintu air di Sabak Bernam.

"Di kawasan Sungai Air Tawar saja ada 14 kunci air

seperti di Beting Kepah, Bagan Nakhoda Omar, Parit Baru dan Sungai Lang," katanya.

Beliau turut menyifatkan banjir yang berlaku di kawasan itu berlaku lebih lama kerana hampir seminggu mangsa dipindahkan di tiga pusat pemindahan banjir.

"Tiga pusat pemindahan dibuka iaitu di Dewan Seri Bernam, Dewan Seri Nakhoda Bagan Nakhoda Omar dan Dewan Parit Baru.

"Bagaimanapun, jumlah mangsa di pusat pemindahan pada hari ini telah berkurangan.... mudah-mudahan, hari ini mereka akan pulang ke rumah masing-masing," katanya.



Noh (kiri) melakukan tinjauan di Pintu Air Beting Kepah, Kampung Sungai Apong, semalam.